

MAHATHIR NAFI PERNAH JADI AHLI KELAB SOSIALIS

WA - 6 JUL 1978

JITRA, 5 Julai — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini menafikan tuduhan yang mengatakan ia pernah menjadi anggota Kelab Sosialis di Universiti Singapura seperti mana yang disebarkan dalam risalah keluaran Barisan Pemuda Insaf.

Ketika berucap di majlis ceramah di Kampong Gelong dekat sini dalam kawasan Parlimennya Kubang Pasu, beliau berkata risalah itu dipercayai dikeluarkan oleh golongan yang menyokong parti PAS.

Beliau berkata mereka yang membuat tuduhan yang tidak berasas itu adalah terdiri dari orang yang tidak bertanggungjawab serta mempunyai niat jahat bagi kepentingan parti PAS.

Menurut Barisan Pemuda Insaf itu tidak pernah diwujudkan tetapi ianya lebih berbau komunis kerana mereka menjalan kegiatannya seperti agen-agen komunis yang membujuk-bujuk nama dan peribadi seorang anggota parti lawan mereka.

Tambah beliau mereka itu boleh menyiasat di Universiti Singapura sama ada beliau pernah menjadi anggota Kelab itu semasa menuntut di Fakulti Perubatan di Universiti tersebut.

Saya mencabar mereka yang tidak bertanggungjawab kerana tuduhan palsu itu dan sebagai seorang Islam saya juga berani bersumpah dengan Quran bagi menegakkan kebenaran yang saya tidak pernah menjadi anggota Kelab itu.

Waktu saya menuntut di Universiti itu dahulu saya telah menentang secara lantang segala kegiatan Kelab itu kerana bertentangan dengan fahaman politik saya, tambah beliau.

Beliau mensifatkan risalah itu sebagai satu dakwah PAS disebabkan mereka tidak ada lagi issue penting dalam kempen pilihanraya selain dari agama Islam dan bukan Malay Dilemma.

Beliau berkata bagi PAS segala issue yang

boleh memancing undi akan digunakan sepenuhnya menurut nafsu mereka.

Beliau mengingatkan para pengundi di kawasan Parlimennya supaya lebih berwaspada terhadap golongan itu yang sedang giat menabur fitnah dan tuduhan palsu terhadapnya dan para pemimpin BN.

Kemudian beliau telah mengadakan satu ceramah di ladang getah Tanjung Pauh.